

# Bahaya politik kedaerahan

U.M. - 1 JUN 1993



**A**LUR SETAR 31 Mei — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat tentang bahayanya politik kedaerahan yang sempit seperti mana yang diamalkan di Sabah dan Kelantan.

Katanya, politik jenis itu tidak sihat untuk sebuah negara berbilang kaum dan agama seperti Malaysia.

"Kita tidak boleh ikut cara itu, kita tidak boleh main politik kedaerahan... politik parokial seperti itu kerana ia tidak sihat untuk negara dan rakyat," katanya kepada para pemberita ketika diminta mengulas perkembangan politik Sabah di majlis Rumah Terbuka sempena Hari Raya Aidiladha di kediamannya di Titi Gajah dekat sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Barisan Nasional (BN) lebih menumpukan pada perpaduan semua kaum, negeri, bangsa dan agama.

Menurutnya, hanya dengan cara itu saja keraja-

an dapat membangunkan sebuah negara yang mampu mengatasi pelbagai cabaran dari luar dan dalam negeri.

Beliau mengakui dengan bekerjasama dan menggunakan segala kebolehan semua kaum, kerajaan dan rakyat dapat membangunkan negara dan mencapai Wawasan 2020.

Ditanya perkembangan BN di Sabah sekarang, Perdana Menteri berkata, sokongan parti-parti komponen BN termasuk Parti Liberal Demokratik (LDP) Sabah, semakin popular dan mendapat sambutan baik.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri: "Kalau mereka tidak dihasut, saya yakin mereka akan lebih cenderung kepada Barisan Nasional. Tetapi dalam pilihan raya ini, kita tidak tahulah, kadang-kadang kita buat ramalan macam ini, dia jadi macam itu."

Mengenai kedudukan UMNO di Sabah, beliau berkata, ia diterima oleh kebanyakan rakyat Sabah.

BN, kata Perdana Menteri sudahpun bersedia untuk menghadapi pilihan raya jika diadakan.

Beliau juga memberitahu, cubaan menghasut ahli-ahli BN di Sabah masih dilakukan oleh PBS kerana mereka sudah pun berjaya menghasut beberapa pemimpin USNO yang kini memegang jawatan menteri dengan gaji yang tinggi.

Pemimpin USNO itu sebenarnya menang kerana bantuan daripada UMNO, ujar beliau.

Ditanya bagaimana BN dapat mengatasi masalah itu, Perdana Menteri berkata, BN tidak boleh melawan mereka dengan cara hasutan, sogokan dan sebagainya, hanya yang mampu dibuat ialah menjelaskan bahawa cara-cara itu tidak sihat dan hanya membawa keburukan kepada Sabah.

Menurut Perdana Menteri, apa yang berlaku di Sabah sekarang sudah menampakkan betapa keadaan sudah menjadi buruk kerana ramai yang terpengaruh dengan hasutan dan tawaran PBS.

"Mungkin pada saya tawaran itu berupa rasuah tetapi ini terpulanglah kepada mahkamah kalau ada dakwaan," ujarnya.

Mengenai perhimpunan agung UMNO November ini, beliau berkata tidak ada apa yang perlu digembar-gemburkan mengenai pemilihan parti tahun ini kerana ia adalah perkara biasa.

Beliau juga berkata, adalah tidak benar pemilihan dalam UMNO menjadi penting semata-mata kerana pilihan raya umum yang diramalkan tahun depan.

"Kalaupun ada pilihan raya umum tahun depan ia tidak ada kena mengena dengan perhimpunan agung UMNO kerana ia cuma pemilihan parti sahaja," jelasnya sambil menambah, ahli-ahli parti atau rakyat tidak perlu ghairah.

Perdana Menteri menambah, tempoh untuk pilihan raya umum masih ada sehingga Disember 1995 dan kerajaan masih mempunyai banyak masa untuk membuat keputusan.